

BAB VI

ANALISIS PANDANGAN PENTADBIR, PEWAKAF DAN PENERIMA WAKAF TERHADAP PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN HARTA WAKAF DI NEGERI MELAKA.

6.1 PENDAHULUAN.

Tujuan bab ini ialah untuk melaporkan hasil soal selidik masyarakat di negeri Melaka dalam aspek pentadbiran dan pembangunan wakaf daripada dapatan-dapatan di dalam kajian. Kajian ini adalah berdasarkan kepada jawapan-jawapan yang diberikan oleh 124 orang responden, kesemuanya terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dengan wakaf. Responden itu dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

- (1) Pentadbir harta wakaf, mereka ialah pegerusi masjid dan pada masa yang sama bertanggungjawab sebagai pentadbir harta wakaf. Seramai 50 orang di kalangan mereka telah disoal selidik yang meliputi tiga daerah iaitu Daerah Melaka Tengah, Daerah Jasin dan Daerah Alor Gajah.
- (2) Penerima manfaat wakaf kekal, mereka terdiri daripada penyewa-penyewa harta wakaf seperti sewa bangunan, rumah kediaman, tanah dan peralatan.

Seramai 40 orang telah disoal selidik bagi memperolehi maklumat yang berkaitan dengan wakaf.

(3) Pewakaf, iaitu mereka yang mewakafkan harta mereka seperti bangunan, tanah dan peralatan. Pewakaf ini adalah mereka yang didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri Melaka. Seramai 34 orang pewakaf disoal selidik kerana beberapa kesukaran yang dihadapi oleh penulis seperti alamat pewakaf yang tidak tepat, pewakaf berpindah alamat, pewakaf telah meninggal dunia dan sebagainya.¹ Walau bagaimanapun kesemua pewakaf meliputi ketiga-tiga daerah iaitu Daerah Melaka Tengah, Daerah Jasin dan Daerah Alor Gajah.

Penganalisaan data-data akan menghuraikan persoalan-persoalan mengenai pengurusan dan pembangunan harta wakaf di Negeri Melaka, diantaranya:

- Cara pengurusan harta wakaf yang diamalkan sekarang.
- Pembangunan dan penggunaan yang dilakukan ke atas harta wakaf
- Penglibatan masyarakat terhadap terhadap amalan perwakafan.
- Masalah pencerobohan tanah wakaf.

6.2 ANALISIS LATARBELAKANG RESPONDEN KAJIAN.

Seramai 124 orang telah menjawab soal selidik yang diberikan. Mereka yang terlibat ialah pentadbir harta wakaf, penerima manfaat wakaf dan pewakaf yang merangkumi tiga daerah iaitu Daerah Melaka Tengah , Daerah Jasin dan Daerah Alor

Gajah. Bagi memudahkan penganalisaan penulis membahagikan taburan responden di dalam kajian ini dengan didasarkan kepada beberapa aspek tertentu, iaitu;

- Saiz sampel berdasarkan jantina.
- Saiz sampel berdasarkan katogeri umur.
- Saiz sampel berdasarkan taraf pendidikan.
- Saiz sampel berdasarkan katogeri pekerjaan.
- Saiz sampel berdasarkan jumlah pendapatan bulanan.
- Saiz sampel berdasarkan jenis bangsa.
- Saiz sampel berdasarkan status perkahwinan.

6.2.1 SAIZ SAMPEL RESPONDEN BERDASARKAN JANTINA.

Dari soal selidik yang diajukan didapati kesemua pentadbir dan penerima manfaat wakaf adalah golongan lelaki iaitu 50 orang atau 100 peratus bagi pentadbir dan 40 orang atau 100 peratus sebagai penerima manfaat wakaf. Keadaan ini berbeza bagi pewakaf di mana terdapat 12 orang atau 35 peratus pewakaf adalah dari golongan wanita, berbanding lelaki seramai 22 orang atau 65 peratus. Ini jelas menunjukkan golongan perempuan tidak mahu melepaskan peluang untuk berbuat amalan kebajikan sebagaimana yang dituntut oleh agama. Berkemungkinan juga peratusan perempuan kecil yang melibatkan diri dengan amalan wakaf kerana sebahagian besar perempuan bergantung hidup kepada lelaki serta menjadi suri rumah sepenuh masa dan tidak mempunyai harta untuk menyumbang ke arah aktiviti perwakafan. Jadual 6.2.1 di bawah menunjukkan ringkasan jantina responden.

Jadual 6.2.1 :Taburan Saiz Responden Berdasarkan Jantina.

Jantina	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Responden			
Pentadbir (50 Orang)	50 (100%)	-	50 (100%)
Penerima Manfaat (40 Orang)	40 (100%)	-	40 (100%)
Pewakaf (34 Orang)	22 (65%)	12 (35%)	34 (100%)

Sumber: Borang Soal Selidik 2000.

6.2.2 SAIZ SAMPEL RESPONDEN BERDASARKAN KATEGORI UMUR.

Dari segi umur, pentadbir yang berusia 41-50 tahun merupakan golongan yang paling banyak memegang jawatan iaitu 22 orang atau 44 peratus. Ini bermakna mereka yang mendapat kepercayaan dilantik sebagai pengurus harta wakaf adalah mereka yang berusia dalam peringkat usia yang aktif dan produktif dari segi idea dan kematangan berfikir. Kemudian diikuti mereka yang berusia 51-60 tahun seramai 11 orang atau 34 peratus, diikuti 8 orang atau 16 peratus yang berusia 31-40 tahun dan 9 orang atau 18 peratus yang berusia 61-70 tahun.

Kematangan fikiran juga mempengaruhi golongan penerima manfaat wakaf, iaitu seramai 22 orang atau 55 peratus yang berusia 41-50 tahun dan 8 orang atau 20 peratus yang berusia 30-40 tahun. Tahap umur sebegini merupakan mereka yang ada kekuatan fizikal dan masa yang terbaik untuk memperbaiki kehidupan mereka. Oleh sebab itu ramai di kalangan mereka menyewa tanah dan bangunan perniagaan harta wakaf. Sementara mereka yang berusia 51-60 tahun seramai 2 orang atau 5 peratus dan 8 orang atau 20 peratus yang berusia 61-70 tahun.

Berbeza dengan pewakaf, golongan yang berusia 61-70 tahun merupakan golongan yang ramai mewakafkan harta mereka iaitu seramai 21 atau 62 peratus. Keadaan ini menunjukkan tahap kesedaran memenuhi tuntutan agama lebih menjawai generasi tua kalau dibandingkan dengan generasi muda. Berdasarkan jadual 6.2.2 di bawah hanya terdapat 1 orang atau 3 peratus mewakafkan harta pada usia 30-40 tahun, diikuti 4 orang atau 11 peratus yang berusia 41-50 tahun.

Jadual 6.2.2:Taburan Saiz Responden Berdasarkan Kategori Umur.

Umur Responden	30-40	41-50	51-60	61-70	70-<	Jumlah
Pentadbir (50 Orang)	8 (16%)	22 (44%)	11 (34%)	9 (18%)	-	50 (100%)
Penerima Manfaat (40 Orang)	8 (20%)	22 (55%)	2 (5%)	8 (20%)	-	40 (100%)
Pewakaf (34 Orang)	1 (3%)	4 (11%)	5 (15%)	21 (62%)	3 (9%)	34 (100%)

Sumber: Borang Soal Selidik 2000.

6.2.3 SAIZ SAMPEL RESPONDEN BERDASARKAN TARAF PENDIDIKAN.

Daripada soal-selidik yang dijalankan didapati pentadbir harta wakaf yang berlatarbelakangkan pendidikan sekolah menengah adalah yang tertinggi iaitu seramai 23 orang atau 46 peratus, diikuti mereka yang berlatarbelakangkan sekolah rendah seramai 22 orang atau 44 peratus dan sekolah pondok seramai 2 orang atau 4 peratus. Keseluruhannya boleh dikatakan pentadbir harta wakaf merupakan mereka yang mempunyai pendidikan sungguhpun taraf latarbelakang pendidikan mereka tidak seimbang.

Manakala taraf pendidikan bagi penerima manfaat wakaf ialah 52.5 peratus sekolah menengah diikuti dengan 25 peratus sekolah rendah. Penerima manfaat wakaf yang berkelulusan Pengajian Tinggi adalah seramai 7 orang atau 17.5 peratus.

Sebahagian besar pewakaf adalah adalah berlatar belakang sekolah rendah iaitu seramai 17 orang atau 50 peratus, diikuti 12 orang atau 35 peratus mendapat pendidikan sekolah menengah dan 2 orang atau 6 peratus berkelulusan sekolah pondok, sementara 3 orang atau 9 peratus di kalangan pewakaf tidak mempunyai pendidikan secara formal. Jadual 6.2.3 di bawah menerangkan ringkasan responden berdasarkan taraf pendidikan.

Jadual 6.2.3:Taburan Saiz Sempel Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan.

Pendidikan Responden	Sek. Rendah	Sek. Men.	Sek. Pondok	IPT	Tiada Pendidikan	Jumlah
Pentadbir (50 Orang)	22 (44%)	23 (46%)	2 (4%)	2 (4%)	1 (2%)	50 (100%)
Penerima Manfaat (40 Orang)	10 (25%)	21 (52.5%)	1 (2.5%)	7 (17.5%)	1 (2.5%)	40 (100%)
Pewakaf (34 Orang)	17 (50%)	12 (35%)	2 (6%)	-	3 (9%)	34 (100%)

Sumber: Borang Soal Selidik 2000.

6.2.4 SAIZ SAMPEL RESPONDEN BERDASARKAN LATAR BELAKANG PEKERJAAN.

Dari segi pekerjaan didapati bilangan yang bekerja sendiri merupakan bilangan yang teramai melibatkan diri dalam pembangunan harta wakaf di mana terdapat 34 orang di kalangan pentadbir wakaf atau 68 peratus adalah bekerja sendiri iaitu 18

orang atau 45 peratus terdiri daripada penerima manfaat wakaf dan 25 orang atau 73 peratus di kalangan pewakaf. Bukti ini menunjukkan, faktor tidak terikat dengan masa serta peraturan kerja mempengaruhi mereka melibatkan diri kepada aktiviti perwakafan.

Seramai 10 orang atau 20 peratus pentadbir yang bergaji tetap iaitu bekerja dengan kerajaan, manakala 3 atau 6 peratus yang bekerja dengan swasta dan bagi penerima manfaat wakaf yang bekerja dengan kerajaan ialah 14 orang atau 35 peratus dan bekerja dengan swasta 8 atau 2 peratus. Jumlah yang sedikit ini mungkin berpunca dari faktor masa serta menjadi kesalahan kepada pekerja yang bermajikan sekiranya melibatkan sebarang aktiviti luar yang boleh mengganggu tugasnya sebagai pekerja tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada majikan.² Walau bagaimanapun ada sesetengah dikalangan mereka yang mempunyai semangat serta disiplin yang tinggi dalam pembahagian masa dan tugas turut sama melibatkan diri dalam perwakafan.

Bagi kategori responden pewakaf pula seramai 25 orang atau 73 peratus bekerja sendiri diikuti oleh seramai 6 orang atau 18 peratus bekerja dengan kerajaan serta 3 atau 9 peratus yang bekerja dengan swasta. Berdasarkan data-data dalam jadual di bawah serta pengamatan yang dilakukan mendapati kebanyakan pewakaf yang mewakafkan harta adalah mereka yang berharta serta berkecimpung dalam bidang perniagaan. Ini membuktikan pendapatan mereka yang berniaga lebih tinggi berbanding dengan mereka yang bekerja dengan kerajaan dan swasta. Faktor ekonomi yang kukuh ini menyebabkan mereka ada keupayaan melakukan kebajikan menerusi amalan wakaf. Jadual 6.2.4 di bawah meringkaskan perbincangan di atas.

Jadual 6.2.4 :Taburan Saiz Sampel Responden Mengikut Latarbelakang Pekerjaan.

Pekerjaan Responden	Kerajaan	Swasta	Sendiri	Pesara	Jumlah
Pentadbir (50 Orang)	10 (20%)	3 (6%)	34 (68%)	3 (6%)	50 (100%)
Penerima Manfaat (40 Orang)	14 (35%)	8 (20%)	18 (45%)	-	40 (100%)
Pewakaf (34 Orang)	6 (18%)	3 (9%)	25 (73%)	-	34 (100%)

Sumber: Borang Soal Selidik 2000.

6.2.5 SAIZ SAMPEL RESPONDEN BERDASARKAN PENDAPATAN BULANAN.

Jadual 6.2.5 di bawah mencatatkan pendapatan bulanan ketiga-tiga kategori responden iaitu bagi pentadbir, penerima dan pewakaf. Bagi pentadbir seramai 34 orang atau 60 peratus yang berpendapatan RM500-RM1000, diikuti oleh seramai 15 orang atau 30 peratus berpendapatan RM1001-RM2000 dan 1 orang atau 10 peratus yang berpendapatan RM2001-RM3000. Perkara ini adalah berkaitan dengan Jadual 6.2.4 di atas yang menyatakan sejumlah besar iaitu 68 peratus pentadbir harta wakaf ialah bekerja sendiri dan juga mendapat bantuan daripada anak-anak mereka.

Keadaan yang sama juga berlaku pada pewakaf di mana 24 orang atau 70.5 peratus berpendapatan RM500-RM1000 diikuti 7 orang atau 20.5 peratus berpendapatan RM1001-RM2000 dan 3 orang atau 9 peratus berpendapatan RM2001-RM3000. Penulis berpendapat ia munasabah kerana kebanyakan mereka yang mewakafkan harta berada di kawasan pendalaman yang terdiri daripada mereka yang

bekerja di persekitaran kampung seperti pertanian, mentemak binatang dan sebagainya.

Terdapat perbezaan bagi kategori responden penerima manfaat wakaf kerana 16 orang atau 40 peratus yang berpendapatan RM500-RM1000, diikuti 22 orang atau 55 peratus yang berpendapatan RM1001-RM2000, manakala yang berpendapatan RM2001-RM3000 dan berpendapatan RM3001-RM4000 masing-masing 1 orang atau 2.5 peratus. Kedudukan ekonomi mereka agak kukuh kalau dibandingkan di antara pentadbir dan pewakaf. Kajian mendapati ada di kalangan penerima manfaat wakaf mempunyai dua sumber pendapatan iaitu selain mendapat gaji tetap dan pada masa yang sama menjadi penyewa tanah dan tapak perniagaan harta wakaf untuk menambahkan sumber pendapatan. Jadual 6.2.5 di bawah menunjukkan taburan saiz sempel responden mengikut latar belakang pekerjaan.

Jadual 6.2.5:Taburan Saiz Sampel Responden Mengikut Pendapatan Bulanan.

Pendapatan Responden	RM500 -RM1000	RM1001 -RM2000	RM2001 -RM3000	RM3001 -RM4000	Jumlah (%)
Pentadbir (50 Orang)	34 (60%)	15 (30%)	1 (10%)	-	50 (100%)
Penerima Manfaat (40 Orang)	16 (40%)	22 (55%)	1 (2.5%)	1 (2.5%)	40 (100%)
Pewakaf (34 Orang)	24 (70.5%)	7 (20.5%)	3 (9%)	-	34 (100%)

Sumber: Soal Selidik 2000.

6.2.6 SAIZ SAMPEL RESPONDEN BERDASARKAN JENIS BANGSA.

Berdasarkan kepada jadual 6.2.6 di bawah boleh dikatakan hampir keseluruhan mereka yang terlibat dengan wakaf adalah orang Melayu, di mana 100 peratus

pentadbir dan pewakaf adalah orang Melayu. Manakala bagi pihak penerima manfaat wakaf pula sebanyak 13 orang atau 32.5 peratus daripada mereka adalah orang Cina yang bukan beragama Islam dan 27 orang atau 67.5 peratus adalah terdiri daripada bangsa Melayu.

Pengamatan yang dilakukan ke atas penerima manfaat wakaf yang bukan Melayu mendapati mereka adalah penyewa bangunan wakaf untuk perniagaan yang berkedudukan di kawasan bandar. Perkara ini berlaku kerana dasar keterbukaan Majlis Agama Islam Negeri Melaka kepada orang bukan Islam boleh menyewa harta wakaf selagi penggunaannya tidak bercanggah dengan Syariat Islam. Penulis merasakan dasar ini harus dikaji semula, kerana perkara ini boleh menutup sebahagian daripada peluang masyarakat Islam menyahut cabaran dalam aktiviti perniagaan. Selain daripada itu berkemungkinan akan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku seperti menjual minuman keras, perjudian dan sebagainya yang boleh mencemarkan intitusi wakaf itu sendiri.³

Jadul 6.2.6: Taburan Saiz Responden Berdasarkan Bangsa.

Bangsa Responden	Melayu	Cina	India	Jumlah
Pentadbir (50 Orang)	50 (100%)	-	-	50 (100%)
Penerima Manfaat (40 Orang)	27 (67.5%)	13 (32.5%)	-	40 (100%)
Pewakaf (34 Orang)	34 (100%)	-	-	34 (100%)

Sumber: Soal Selidik 2000.

6.2.7 SAIZ SAMPEL RESPONDEN BERDASARKAN STATUS PERKAHWINAN.

Melalui soal selidik yang dijalankan didapati 50 orang atau 100 peratus di kalangan pentadbir harta wakaf adalah mereka yang sudah berumahtangga. Berkemungkinan dari segi keutamaan pemilihan pengurus harta wakaf ini adalah mereka yang telah berkahwin berbanding dengan mereka yang belum berkahwin.

Bagi penerima manfaat wakaf terdapat 39 orang atau 97.5 peratus adalah mereka yang telah berkahwin, manakala 1 orang atau 2.5 peratus daripadanya adalah bujang atau duda dan janda. Begitu juga pihak pewakaf, seramai 25 orang atau 74 peratus yang telah berkahwin dan 9 atau 26 peratus dikategorikan sebagai bujang. Jadual 6.2.7 di bawah merupakan data responden berdasarkan status perkahwinan.

Jadual 6.2.7:Taburan Saiz Responden Berdasarkan Status Perkahwinan.

Perkahwinan Responden	Kahwin	Bujang (termasuk duda dan janda)	Jumlah
Pentadbir (50 Orang)	50 (20%)	-	50 (100%)
Penerima Manfaat (40 Orang)	39 (97.5%)	1 (2.5%)	40 (100%)
Pewakaf (34 Orang)	25 (74%)	9 (26%)	34 (100%)

Sumber: Borang Soal Selidik 2000.

6.3 PANDANGAN RESPONDEN TERHADAP PENGURUSAN HARTA WAKAF.

Tajuk ini bertujuan untuk melihat secara dekat pandangan responden mengenai pengurusan yang dijalankan di atas harta wakaf. Aspek-aspek yang akan dilihat ialah yang menyentuh perlantikan pentadbir, prosedur perwakafan, pegangan harta wakaf dan pencapaian matlamat wakaf.

6.3.1 PELANTIKAN PENGURUS HARTA WAKAF.

Melalui soal selidik yang dijalankan didapati 47 orang atau 94 peratus responden mengatakan perlantikan seseorang pengurus harta wakaf dibuat oleh ahli kariah sendiri. Di antara kriteria-kriteria yang menjadi pilihan ialah memegang jawatan sebagai sebagai JKKK (jawatankuasa keselamatan kampung), komitmennya kepada masjid serta mempunyai hubungan yang baik dengan anak kariah dan lain-lain yang berkaitan.⁴ Ini menunjukkan seorang pengurus harta wakaf adalah mereka yang dipercayai oleh masyarakat serta berkebolehan dalam menguruskan sesuatu perkara.

Berdasarkan catatan dalam jadual 6.3.1 di bawah terdapat 3 orang atau 6 peratus pentadbir harta wakaf menyatakan mereka dilantik sebagai pengurus wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka. Pihak pentadbir harta wakaf yang menjawab persoalan yang ditimbulkan ini adalah berkemungkinan terdiri daripada pentadbir yang tidak faham soalan yang dikemukakan. Sebenarnya apa yang berlaku serta diamalkan di negeri Melaka dalam proses pelantikan penggerusi Masjid ialah pengerusi

masjid (juga sebagai pengurus harta wakaf) ini dipilih atau dicadangkan oleh ahli kariah sendiri dan pengesahan jawatan pengerusi itu diputuskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka.

Jadual 6.3.1: Pelantikan Pengurus Harta Wakaf Mengikut Pandangan Pentadbir Wakaf.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Majlis	3	6
Ahli Kariah	47	94
Jumlah	50	100

Sumber: Borang Soal Selidik: 2000.

6.3.2 PROSEDUR PERWAKAFAN.

Mengikut pentadbir harta wakaf melalui soal selidik yang dijalankan, kebanyakan proses perwakafan yang dilakukan adalah mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka.

Berdasarkan jadual 6.3.2 di bawah terdapat 23 orang atau 46 peratus pentadbir mengatakan proses perwakafan berlaku melalui akad iaitu melalui ijab dan qabul yang dilakukan antara pewakaf dan pentadbir. Penulis berpendapat walaupun wakaf ini sah dari segi Syariat Islam tetapi ia tidak memenuhi keperluan undang-undang pentadbiran agama Islam di mana apabila pewakaf meninggal dunia berkemungkinan berlaku tuntutan ahli waris terhadap harta yang telah diwakafkan. Mewakafkan harta

menerusi akad sahaja adalah tidak memadai kerana terdapat beberapa keperluan undang-undang pentadbiran yang perlu dipenuhi.

Walau bagaimanapun terdapat 24 orang atau 48 peratus menyatakan prosedur wakaf yang dilakukan menerusi surat perjanjian iaitu ada bukti atau persetujuan bertulis yang menunjukkan harta yang diwakafkan itu diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Melaka sebagai pentadbir. Perkara ini membuktikan pentadbir harta wakaf menyelesaikan amalan perwakafan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam sebagaimana yang tercatat dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka 1991.

Dalam jadual di bawah juga dicatatkan 3 orang atau 6 peratus berpendapat wakaf yang diuruskan tidak mengikut prosedur iaitu tidak ada proses akad dan tidak ada surat perjanjian yang dilakukan. Ini membuktikan bukan sahaja wakaf itu tidak sah tetapi juga menggambarkan kelemahan pengurus harta wakaf kerana tidak dapat melaksanakan amanah yang telah diberikan kepadanya. Jadual 6.3.2 di bawah menerangkan prosedur perwakafan menurut pentadbir wakaf.

Jadual 6.3.2: Prosedur Perwakafan Mengikut Pentadbir Wakaf.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Akad	23	46
Perjanjian	24	48
Tidak Mengikut Prosedur (tidak ada akad dan tidak ada perjanjian)	3	6
Jumlah	50	100

Sumber: Borang Soal Selidik 2000.

6.3.3 PIHAK YANG MENGURUSKAN PROSES PERWAKAFAN.

Seperti mana yang tercatat dalam jadual 6.3.3 di bawah menunjukkan 20 orang atau 59 peratus daripada pewakaf mengatakan Majlis Agama Islam Negeri Melaka yang menguruskan proses perwakafan. Ini bermakna pewakaf yang mewakafkan harta mereka datang sendiri ke pejabat Majlis Agama bagi menyelesaikan proses perwakafan.

Manakala 10 orang atau 29 peratus pewakaf mengatakan urusan wakaf dilakukan melalui pihak masjid dan 3 orang atau 9 peratus menyatakan urusan wakaf dilakukan melalui orang perseorangan, sama ada ketua kampung, saudara-mara atau orang-orang tertentu yang boleh dipercayai. Perkara ini menunjukkan komitmen masyarakat dalam menyelesaikan masalah individu serta menggambarkan eratnya hubungan di antara anggota masyarakat dan hubungan antara masyarakat dengan Majlis Agama Islam Negeri Melaka. Dengan adanya kerjasama yang baik antara semua anggota ini membolehkan Intitusi Wakaf di Negeri Melaka akan lebih berkembang.

Terdapat seorang atau 3 peratus di kalangan pewakaf tidak menjawab soalan yang diajukan. Ini bukan bermakna proses perwakafan tidak berlaku tetapi mereka lupa dengan siapakah menguruskannya sama ada pihak masjid atau orang perseorangan. Jadual 6.3.3 di bawah menjelaskan keadaan yang sebenar mengenai pihak yang menguruskan proses perwakafan di negeri Melaka menurut pandangan pewakaf.

Jadual 6.3.3: Pihak Yang Menguruskan Proses Perwakafan Mengikut Pandangan Pewakaf.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Majlis	20	59
Masjid	10	29
Orang Perseorangan	3	9
Tidak Menjawab	1	3
Jumlah	34	100

Sumber: Borang Soal Selidik 2000.

6.3.4 PIHAK YANG MEMEGANG SURAT HAK MILIK.

Berdasarkan jadual 6.3.4 di bawah didapati seramai 12 orang pentadbir atau 24 peratus mengatakan surat hak milik di pegang oleh pihak masjid, ini bermakna harta wakaf itu didaftarkan di atas nama masjid, 7 orang atau 14 peratus surat hak milik dipegang oleh Majlis Agama Islam dan seramai 6 orang atau 12 peratus hak milik itu masih lagi dipegang oleh pihak pewakaf.

Apa yang berlaku menunjukkan pentadbiran harta wakaf di Negeri Melaka adalah tidak terpusat, yang mana Majlis Agama Islam hanya mengendalikan secara khusus harta wakaf Masjid Kampung Hulu dan harta wakaf Masjid Kampung Keling sahaja, manakala segala harta wakaf yang lain dikendalikan oleh pihak masjid kariah masing-masing.⁵ Keadaan ini juga akan menyulitkan proses pembangunan harta wakaf yang hendak dilakukan. Kesan yang paling jelas ialah sebagaimana yang tercatat

dalam jadual 6.3.4 di bawah iaitu terdapat 6 orang atau 12 peratus surat hak milik masih lagi dipegang oleh pihak pewakaf.

Terdapat 25 orang pentadbir atau 50 peratus yang tidak menjawab soalan yang dikemukakan. Mereka tidak menjawab adalah disebabkan pentadbir harta wakaf sendiri tidak mengetahui siapakah yang memegang surat hak milik itu atau dengan kata lain surat hak milik tiada dalam simpanan pihak pentadbir harta wakaf. Ini berlaku kerana mereka yang memegang jawatan sebagai pentadbir harta wakaf silih berganti. Fenomena ini menampakkan satu lagi kelemahan pentadbir harta wakaf baik pada Majlis Agama Islam atau pihak masjid itu sendiri, yang patut diatasi segera supaya proses pembangunan tanah wakaf berjalan dengan lancar. Jadual 6.3.4 di bawah adalah ringkasan mengenai pihak yang memegang surat hak milik menurut pentadbir wakaf.

Jadual 6.3.4: Pihak Yang Memegang Surat Hak Milik Menurut Pentadbir Wakaf.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Majlis	7	14
Masjid	12	24
Pewakaf	6	12
Tidak Menjawab	25	50
Jumlah	50	100

Sumber: Borang Soal Selidik 2000.

6.3.5 PENCAPAIAN MATLAMAT WAKAF.

Jadual 6.3.5.1 di bawah menunjukkan separuh daripada pewakaf iaitu 17 orang atau 50 peratus mengatakan harta yang diwakafkan itu mencapai matlamatnya. Ini menunjukkan pewakaf berpuas hati terhadap perkembangan serta pembangunan terhadap harta yang diwakafkan. Terdapat 12 orang atau 35 peratus daripadanya mengatakan tidak pasti. Diandaikan perkara ini berlaku terhadap pewakaf yang tidak memperdulikan tentang perkembangn harta yang diwakafkan, kerana diserahkan sepenuhnya soal tanggungjawab pembangunan harta wakaf kepada Majlis Agama Islam Negeri Melaka. Jadual 6.3.5.1 di bawah menyatakan data mengenai pencapai matlamat wakaf.

Jadual 6.3.5.1:Pencapaian Matlamat Wakaf Menurut Pewakaf.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Ya	17	50
Tidak	5	15
Tidak Pasti	12	35
Jumlah	34	100

Sumber: Borang Soal Selidik 2000.

Seramai 5 orang atau 15 peratus di kalangan pewakaf mengatakan harta yang diwakafkan tidak mencapai matlamatnya. Perkara ini disebabkan beberapa faktor, sebagaimana yang disenaraikan dalam jadual 6.3.5.2 di bawah. Di antara faktor utama dikenalpasti matlamat pewakaf tidak tercapai ialah pembangunan tidak diuruskan dengan baik. Ini dibuktikan seramai 5 orang atau 14.8 peratus yang berpendapat sedemikian. Berdasarkan temubual yang dilakukan, perkara ini berlaku kerana pihak

pentadbir tidak mengambil berat dari segi penjagaan kebersihan harta wakaf, seperti tanah perkuburan penuh dengan semak samun, pencerobohan binatang terhadap perkuburan dan sebagainya.⁶ Pengamatan yang dilakukan mendapati ada terdapat tempat ibadat seperti madrasah dan surau tidak dijaga dengan baik tentang kebersihan, seperti tercemar dengan najis binatang, sampah dan sebagainya.

Kelemahan-kelemahan tersebut menunjukkan peranan pengurus harta wakaf tidak menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan sempurna. Masalah ini sekiranya tidak dapat dibendung boleh mengakibatkan pandangan masyarakat terhadap pentadbir harta wakaf hari ini adalah lemah dari sudut pentadbirannya dan boleh wujud ketidakpercayaan kepada pentadbir dan seterusnya boleh mencemarkan imej agama Islam itu sendiri yang mengutamakan kebersihan diri dan tempat. Jadual 6.3.5.2 di bawah menyatakan sebab wakaf tidak mencapai matlamat menurut pandangan pewakaf.

Jadual 6.3.5.2: Sebab Matlamat Tidak Tercapai Menurut Pewakaf.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Pembangunan Tidak Diuruskan Dengan Baik	5	14.8
Tidak Menjawab	29	85.2
Jumlah	34	100

Sumber: Borang Soalselidik 2000.

6.4 PEMBANGUNAN HARTA WAKAF.

Keberkesanan pengurusan yang dilakukan ke atas harta wakaf diukur dari sudut pembangunan yang dilakukan. Dengan adanya pembangunan yang diusahakan membuktikan keperihatinan pihak pentadbir harta wakaf untuk memaju dan memperkembangkan institusi wakaf itu sendiri.

Kaji selidik ke atas pentadbir harta wakaf menerusi butiran jadual 6.4 di bawah menunjukkan terdapat pembangunan harta wakaf yang dilakukan di Negeri Melaka. Seramai 45 orang pentadbir atau 90 peratus mengatakan pembangunan yang dilakukan adalah menerusi tujuan ibadah seperti pembangunan masjid, surau, madrasah dan tempat perkuburan. Kajian mendapati perkara ini berlaku kerana terdapat 65 peratus harta yang diwakafkan adalah ditentukan dalam bentuk khas dan 35 peratus dalam bentuk am. Perkara ini menjadi penghalang kepada pihak pentadbir untuk membangunkan dalam bentuk yang boleh mendatangkan hasil kepada ekonomi. Walau bagaimanapun terdapat 3 orang atau 6 peratus harta wakaf dibangunkan menerusi rumah sewa dan 2 orang atau 4 peratus dibangunkan untuk rumah kedai.

Keseluruhannya boleh dikatakan pembangunan terhadap harta wakaf dilaksanakan di negeri Melaka tetapi kebanyakannya dalam bentuk ibadah. Perkara ini mengambarkan bagaimana tahap kefahaman masyarakat Islam di negeri Melaka tentang wakaf itu ialah sekadar masjid, surau dan tanah perkuburan sahaja sedangkan matlamat wakaf itu bukan sekadar tempat peribadatan tetapi ia sebagai sumber modal dan punca pendapatan umat Islam seperti melibatkan diri dalam bidang perniagaan, perkilangan dan sebagainya. Bagi mengatasi masalah ini Majlis Agama Islam Negeri

Melaka menasihati sesiapa yang ingin mewakafkan harta supaya dalam bentuk am. Dengan ini Majlis boleh merancang pembangunan yang sesuai serta memberi pulangan yang baik kepada umat Islam.⁷ Data-data dalam jadual 6.4 di bawah menjelaskan kedudukan yang sebenar mengenai jumlah harta wakaf yang paling banyak di negeri Melaka ialah dalam bentuk peribadatan (perkuburan dan tempat ibadah) iaitu 90 peratus. Perkara ini bertepatan dengan maklumat yang diperolehi di mana harta wakaf yang terdapat di negeri Melaka keseluruhannya berjumlah 613.47 km/perseggi, 314.29 km/perseggi atau 56.29 peratus daripadanya adalah harta wakaf dalam bentuk peribadatan.⁸

Jadual 6.4:Jenis Pembangunan Harta Wakaf Menurut Pentadbir Wakaf.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Tempat Ibadah/ Perkuburan	45	90
Rumah Sewa	3	6
Rumah Kedai	2	4
Jumlah	50	100

Sumber: Borang Soal Selidik 2000.

6.4.1 PERBELANJAAN HASIL WAKAF.

Kajian mendapati terdapat sumber pendapatan yang diuruskan oleh pihak pentadbir mengenai harta wakaf. Sumber ini adalah dalam bentuk kewangan iaitu derma dan sumbangan orang ramai serta hasil daripada penyewaan harta wakaf. Mengikut pentadbir sebahagian besar hasil pendapatan harta wakaf iaitu 28 orang atau 56 peratus mengatakan dibelanjakan untuk derma dan bantuan kepada yang

memerlukan termasuk juga memberi imbuhan kepada guru-guru yang mengajar di masjid.⁹

Seramai 19 orang atau 38 peratus pentadbir mengatakan harta wakaf dibelanjakan untuk penyelengaraan harta wakaf. Perkara-perkara yang dilakukan ialah membesarkan dan membaikpulih bangunan, membayar bil-bil (elektrik dan air) serta membiayai gotong-royong pembersihan dan sebagainya.¹⁰ Manakala 3 orang atau 6 peratus mengatakan sumber pendapatan harta wakaf dilaburkan atau disimpan dalam Tabung Haji untuk dikembangkan hasilnya.

Keseluruhan perbelanjaan yang dilakukan daripada pendapatan hasil wakaf digunakan ke arah jalan yang baik. Walau bagaimanapun kepekaan pihak pentadbir bagi menambah hasil atau mengembangkan pendapatan hasil wakaf adalah kurang, kerana hanya terdapat terdapat 3 orang atau 6 peratus sahaja yang melaburkan sebahagian pendapatan hasil wakaf ke dalam Tabung Haji.¹¹ Oleh sebab itu pihak pentadbir harus berfikiran jauh bagi mencari peluang untuk menambahkan hasil yang ada. Jadual 6.4.1 di bawah menyatakan kedudukan yang sebenar mengenai perbelanjaan hasil daripada harta wakaf menurut pentadbir wakaf.

Jadual 6.4.1 :Perbelanjaan Hasil Wakaf Mengikut Pentadbir.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Pelaburan	3	6
Derma/Bantuan	28	56
Peyelengaraan	19	38
Jumlah	50	100

Sumber: Borang Soal Selidik 2000.

6.5 PENGLIBATAN MASYARAKAT TERHADAP AKTIVITI PERWAKAFAN.

Penglibatan masyarakat di dalam aktiviti-aktiviti perwakafan amat penting untuk mengukuhkan lagi institusi wakaf yang sedia ada dan seterusnya dapat dijadikan kayu pengukur sejauhmana keberkesanan pentadbiran wakaf yang ada sekarang.

Berdasarkan jadual 6.5.1 di bawah didapati seramai 16 orang atau 40 peratus penerima wakaf berhasrat untuk mewakafkan harta. Ini menunjukkan kesedaran masyarakat kepada aktiviti kebajikan tersemat ke dalam jiwa mereka. Keperihatinan mereka juga menjadi tanda bahawa Institusi Perwakafan di negeri Melaka akan berkembang suatu hari nanti. Jadual 6.5.1 di bawah adalah data yang menunjukan hasrat untuk berwakaf oleh penerima wakaf.

Jadual 6.5.1:Hasrat Untuk Berwakaf Oleh Penerima Wakaf.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Ya	16	40
Tidak	4	10
Tidak Pasti	6	15
Tidak Menjawab	14	35
Jumlah	40	100

Sumber: Borang Soal Selidik 2000.

Berdasarkan catatan jadual 6.5.1 di atas terdapat 4 orang daripada mereka atau 10 peratus menyatakan tidak ada hasrat untuk melakukan amalan wakaf, manakala 6 orang atau 15 peratus mengatakan tidak pasti. Di antara punca utama yang

menyebabkan mereka tidak ingin melakukan amalan wakaf ialah mereka tidak tahu tentang wakaf. Ini dibuktikan melalui jadual 6.5.2 di bawah iaitu 12 orang di kalangan penerima manfaat wakaf atau 30 peratus mengatakan alasan sedemikian. Berdasarkan temubual dengan responden penulis berkeyakinan mereka tahu tentang wakaf tetapi hanya pada nama sahaja, sedangkan mereka tidak ada pengetahuan dari segi tujuan, konsep dan amalan perwakafan itu sendiri. Kebanyakan perkara ini berlaku terhadap penerima wakaf yang bukan beragama Islam kerana di kalangan penerima manfaat di negeri Melaka terdapat 32.5 peratus adalah terdiri daripada mereka yang berketurunan Cina.¹²

Terdapat 5 orang atau 12.5 peratus menyatakan alasan tidak mampu walaupun mereka mempunyai hasrat untuk berwakaf. Pengamatan penulis mendapati kebanyakannya mereka yang tidak mampu ialah penyewa-penyewa berketurunan Melayu. Ini dibuktikan terdapat 27 orang atau 67.5 peratus penerima manfaat wakaf adalah berketurunan Melayu, sebagaimana terdapat dalam jadual ke 6.2.6. Berdasarkan jadual di bawah juga terdapat 23 orang atau 57.5 peratus responden yang tidak menjawab, kemungkinan persoalan ini tidak dijawab ialah tidak faham apa yang ditanya atau mereka ada keupayaan untuk berwakaf tetapi tidak mahu berwakaf. Jadual 6.5.2 di bawah menunjukkan sebab tidak mahu berwakaf oleh penerima wakaf.

Jadual 6.5.2:Sebab Tidak Mahu Berwakaf Oleh Penerima Wakaf.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Tidak Mampu	5	12.5
Tidak Tahu Tentang Wakaf	12	30
Tidak Menjawab	23	57.5
Jumlah	40	100

Sumber: Borang Soal Selidik 2000.

6.6 BENTUK KEINGINAN HARTA YANG INGIN DIWAKAFKAN.

Jadual 6.6 di bawah menggambarkan responden yang berkemampuan serta ingin mewakafkan harta mereka. Catatan itu menunjukkan tidak ada seorangpun di kalangan mereka yang ingin mewakafkan harta dalam bentuk tanah dan bangunan. Perkara ini disebabkan di kalangan penerima manfaat wakaf tidak mempunyai harta dalam bentuk tanah dan bangunan kecuali rumah kediaman sahaja.¹³ Dengan keadaan ini juga menyebabkan LUKMAL jarang menerima kedatangan masyarakat yang ingin mewakafkan harta dalam bentuk tanah dan bangunan daripada masyarakat, cuma ada di kalangan pemaju perumahan yang mewakafkan rumah dan bangunan untuk tempat ibadah kepada Majlis Agama Islam.¹⁴

Sejumlah besar kajian mendapati keinginan mereka hanya untuk melanggani saham wakaf sahaja iaitu 17 orang atau 42.5 peratus. Pengorbanan ini walaupun kecil (RM10.00 untuk satu saham) tetapi menggambarkan kesanggupan dan kesedaran masyarakat melibatkan dalam amalan kebajikan. Jadual 6.6 di bawah adalah bentuk harta yang ingin diwakafkan oleh pewakaf.

Jadual 6.6: Bentuk Harta Yang Ingin Diwakafkan Oleh Pewakaf.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Tanah	0	0
Bangunan	0	0
Saham Wakaf	17	42.5
Tidak Menjawab	23	57.5
Jumlah	40	100

Sumber Soal Selidik 2000.

6.7 KEINGINAN MASYARAKAT MEMBELI SAHAM WAKAF.

Saham wakaf merupakan aktiviti Majlis Agama Islam Negeri Melaka supaya masyarakat tidak terlepas peluang melibatkan diri dalam amalan perwakafan. Hasil daripada penjualan saham wakaf digunakan untuk pembangunan harta tanah, memajukan tanah wakaf yang sedia ada dan keperluan-keperluan yang lain untuk kebajikan umat Islam.¹⁵ Berdasarkan jadual 6.5.2 di bawah menunjukkan sebilangan besar iaitu 17 orang atau 42.5 peratus menyatakan keinginan untuk membeli saham wakaf yang dilancarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka. Bilangan dan peratusan ini menggambarkan komitmen masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti yang dilancarkan oleh Majlis Agama.

Terdapat seramai 15 orang atau 37.5 peratus di kalangan penerima manfaat wakaf tidak mahu membeli saham wakaf, kemungkinan besar responden ialah daripada berketurunan Cina sebagaimana yang telah diterangkan dalam jadual yang lalu. Pada pandangan penulis perkara ini tidak sepatutnya berlaku walaupun ia bukan

suatu kewajipan bagi penerima wakaf supaya membeli saham wakaf, seharusnya penerima wakaf sama ada orang Islam atau bukan Islam memberi komitmen kerana mereka adalah orang yang terlibat dengan wakaf (sebagai penerima manfaat wakaf). Dengan ini penulis merasakan dasar keterbukaan Majlis Agama terhadap penyewa yang bukan Islam dikaji semula¹⁶, kerana mereka langsung tidak menunjukkan komitmen yang terbaik kepada Majlis Agama Islam Negeri Melaka.

Seramai 8 orang atau 20 peratus menyatakan tidak pasti, ini boleh diandaikan mereka tidak faham dengan jelas konsep dan matlamat saham wakaf itu sendiri kerana penerima manfaat wakaf bukan sahaja melibatkan orang yang bukan Islam tetapi juga orang Islam. Jadual 6.7 di bawah menjelaskan keinginan penerima wakaf untuk membeli saham wakaf.

Jadual 6.7: Keinginan Penerima Wakaf Membeli Saham Wakaf.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Ya	17	42.5
Tidak	15	37.5
Tidak Pasti	8	20
Jumlah	40	100

Sumber: Borang Soal Selidik 2000.

6.8 SEBAB TIDAK MEMBELI SAHAM WAKAF.

Faktor utama yang menyebabkan penerima wakaf tidak mahu membeli saham wakaf ialah tidak tahu wujudnya saham wakaf yang dilancarkan oleh Majlis Agama

Islam Melaka. Mengikut soal selidik seramai 8 orang atau 20 peratus di kalangan responden yang berpendapat sedemikian. Manakala seramai 27 orang atau 67.5 peratus tidak memberi jawapan. Terdapat 5 orang atau 12.5 peratus menyatakan sebabnya ialah kerana tidak mampu untuk membeli saham wakaf. Berdasarkan pengamatan penulis, perkara ini memang bertepatan dengan keadaan dan suasana kehidupan penerima wakaf yang kebanyakannya terdiri daripada mereka yang hidup dalam keadaan serba kekurangan dan pendapatannya adalah untuk memenuhi keperluan hariannya sahaja. Ini menggambarkan walaupun harga RM10.00 untuk seunit saham tetapi bagi mereka ia amat berharga untuk menyara kehidupan mereka. Jadual 6.8 di bawah adalah faktor yang menyebabkan penerima wakaf tidak mahu membeli saham wakaf negeri Melaka.

Jadual 6.8: Sebab Tidak Mahu Membeli Saham Wakaf Mengikut Penerima Wakaf.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Tidak Mampu	5	12.5
Tidak Tahu Wujudnya Saham Wakaf	8	20
Tidak Menjawab	27	67.5
Jumlah	40	100

Sumber: Soal Selidik 2000.

Berdasarkan jadual 6.8 di atas keseluruhannya boleh dikatakan peranan Majlis Agama dalam mengengahkan aktiviti perwakafan menerusi saham wakaf ini masih lagi di tahap yang sederhana. Penulis mencadangkan kemudahan teknologi terkini harus digunakan sepenuhnya bagi memperkenalkan saham wakaf kepada seluruh pelusuk negara, contohnya melalui internet dan sebagainya. Sekiranya kelemahan-

kelemahan yang ada diperbaiki berkemungkinan Majlis Agama Islam Negeri Melaka mampu mengumpulkan dana yang besar yang boleh melaksanakan pelbagai perancangan untuk memajukan ekonomi umat Islam terutama ia digunakan untuk membantu umat Islam yang berada dalam kesempitan hidup.

6.9 MASALAH PENCEROBOHAN TANAH WAKAF.

Kajian ini akan mengupas persoalan pencerobohan tanah wakaf di negeri Melaka kerana ia juga merupakan masalah besar yang boleh membantut proses pembangunan yang dirancangkan ke atas tanah wakaf. Berdasarkan jadual 6.9.1 di bawah menunjukkan masalah pencerobohan tanah wakaf di negeri Melaka adalah di tahap yang terkawal. Ini terbukti ramai di kalangan responden (pentadbir harta wakaf) iaitu 45 orang atau 90 peratus mengatakan tidak berlaku sebarang pencerobohan. Tetapi terdapat 3 orang atau 6 peratus mengatakan berlaku pencerobohan. Berdasarkan temubual yang dilakukan mendapati pencerobohan ini dilakukan oleh penduduk tempatan ke atas tanah wakaf yang terbiar tanpa diusahakan. Ada di kalangan mereka yang menggunakan tanah wakaf ini untuk bercucuk tanam seperti sayur-sayuran dan sebagainya tanpa kebenaran pihak pentadbir. Tindakan yang diambil hanyalah memberi nasihat dan amaran sahaja.¹⁷

Apa yang berlaku di atas dapat dilihat dari dua keadaan, pertama pencerobohan yang dilakukan oleh masyarakat tempatan itu adalah suatu kesalahan dari segi undang-undang Islam dan negara, kerana menggunakan hak orang lain tanpa keizinan. Kedua, pencerobohan itu berlaku dengan sebab pentadbir tidak berperanan

untuk membangunkan atau menyewakan kepada masyarakat. Walau bagaimanapun perkara yang berlaku itu adalah kecil yang boleh diselesaikan, tetapi sekiranya tiada dibuat penyelesaian dengan cara yang baik memungkinkan wujudnya perhubungan yang dingin di antara mereka yang terlibat dengan pihak pentadbir.

Jadual 6.9.1: Pencerobohan Tanah Wakaf Mengikut Pentadbir.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Ya	3	6
Tidak	45	90
Tidak Pasti	2	4
Jumlah	50	100

Sumber: Soal Selidik 2000.

Kajian juga menyingkap pemikiran pihak pentadbir mengenai siapakah yang akan bertanggungjawab sekiranya berlaku pencerobohan tanah wakaf. Berdasarkan jadual 6.9.2 di bawah sejumlah besar pentadbir iaitu seramai 48 orang atau 96 peratus mengatakan sekiranya berlaku pencerobohan pihak yang bertanggungjawab ialah pihak masjid. Keadaan ini menunjukkan pihak pentadbir faham tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya, kerana Majlis Agama Islam hanya mengendalikan urusan pentadbiran harta wakaf terhadap dua buah masjid sahaja iaitu Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Keling, selain daripada itu terserah kepada pentadbir masjid kariah masing-masing. Terdapat 2 orang atau 4 peratus yang mengatakan Majlis Agama bertanggungjawab menyelesaikan masalah pencerobohan ini. Berkemungkinan perkara ini berlaku kerana tiada pengalaman sebagai pengurus masjid (lantikan baru) dan pada masa yang sama bertanggungjawab sebagai pengurus

harta wakaf. Jadual 6.9.2 di bawah menyenaraikan pihak yang bertanggungjawab apabila berlakunya pencerobohan harta wakaf menurut pentadbir wakaf.

Jadual 6.9.2: Pihak Yang Bertanggungjawab Sekiranya Berlaku Pencerobohan Mengikut Pentadbir Wakaf.

Jumlah Responden	Bilangan	Peratus
Majlis	2	4
Masjid	48	96
Pihak Berkuasa	0	0
Jumlah	50	100

Sumber Soal Selidik 2000.

6.10 KESIMPULAN.

Rumusan secara keseluruhannya ialah Institusi Wakaf di negeri Melaka masih perlu diperbaiki, terutamanya dari sudut pengurusan dan pentadbiran harta wakaf. Dalam konteks pengurusan dan pentadbiran harta wakaf sepatutnya ia diletakkan di bawah satu pentadbiran iaitu Majlis Agama Islam. Kewujudan pengurusan yang berbeza di antara Majlis dan pihak masjid yang sedia ada membolehkan wujudnya permasalahan dalam membangunkan harta wakaf.

Walau bagaimanapun permasalahan yang timbul dari pengurusan harta wakaf, seharusnya tidak dibebankan kepada pihak yang bertanggungjawab sahaja, tetapi pandangan serta pengembelingan tenaga harus diberikan oleh masyarakat kepada mereka yang bertanggungjawab menguruskannya. Dengan adanya tindakan ini

Institusi Wakaf akan dapat berfungsi sebagai satu badan yang kukuh serta berperanan untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul di kalangan umat Islam itu sendiri.

¹Lihat dalam Bab 1, di bawah masalah kajian, h. 13.

²Lihat, Surat Perjanjian Perkhidmatan ITM, Borang Perjawatan 86/1, perkara 5 (iii).

³Prof. Dato' Dr. Nik Mohd. Zain Haji Nik Yusof (1999), "Kedudukan dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia: Satu Penilian", (Seminar Konsep dan Perlaksanaan Wakaf Di Malaysia, IKIM, 24-25 Mac 1999), h. 33.

⁴Temubual dengan Haji Mahadi bin Maamin, Pengerusi Masjid Kampung Baru Alor Gajah, 31hb. Mei. 1999.

⁵Lihat dalam Bab IV, di bawah Pentadbiran LUKMAL.

⁶Temubual dengan Che Ros Binti Dewa, pewakaf tanah perkuburan di Gadek Alor Gajah, pada 24hb. April 1999. Lihat Kamarudin Ngah (1992), *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*, cetakan 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 30.

⁷Temubual dengan En. Mohd Sharif Somatullah, Pengurus LUKMAL, pada 24hb. Februari 2000. Lihat Ahmad Ibrahim (1998), "Undang-Undang Keluarga dan Pentadbiran Wakaf", *Al-Ahkam*, cetakan 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 176, 177.

⁸ Lihat bab v, h. 110.

⁹ Temubual dengan Haji Yahya bin Mulop, pengerusi Masjid Pulau Sebang Alor Gajah, pada 12hb. Februari 1999.

¹⁰ Tuan Haji Mohd Yusof Bin Yahya (1999), "Pengurusan Wakaf Di Perak: Amalan dan Perancangan", (Seminar Konsep dan Perlaksanaan Wakaf Di Malaysia, IKIM, 24-25 Mac 1999), h.. 20.

¹¹*Ibid*

¹²Lihat Jadual ke 6.2.2, di bawah Taburan Saiz Responden Berdasarkan Bangsa, h. 152.

¹³Temubual dengan Ibrahim bin Abd. Karim, penyewa bangunan wakaf milik LUKMAL, pada 22hb. Mei 1999.

¹⁴Temubual dengan En. Mohd Sharif Somatullah, Pengurus LUKMAL, pada 24hb. Februari 2000.

¹⁵*Ibid.*

¹⁶Prof. Dato' Dr. Nik Mohd. Zain Haji Nik Yusof (1999), "Kedudukan dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia: Satu Penilian", (Seminar Konsep dan Perlaksanaan Wakaf Di Malaysia), h. 34.

¹⁷Temubual dengan Haji Abdul Rahman bin Jaacop, Pengurus Masjid Padang Temu, pada 13hb. Mac. 1999. Lihat Kamarudin Ngah (1992), *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*, h. 68..